


Keracunan metanol sekilas pandang - tanpa ketersediaan kelengkapan analisis



Metanol dengan sendirinya tidak toksik, tetapi ia memetabolisme menjadi asid formik/ format yang sangat toksik (lihat rajah): Rawatan difokuskan kepada penyekatan enzim (ADH) dengan sama ada etanol atau fomepizole, timbal asidosis metabolik dengan bikarbonat, dan jika boleh gunakan dialisis untuk menyingkirkan metanol, format dan merawat asidosis metabolik.

Asid folinik boleh diberikan untuk meningkatkan metabolisme endogen format.

Kesemua di atas harus dimulakan seawal mungkin, sebarang rawatan ini adalah penting – Gunakan apa yang boleh anda dapati!

Diagnosis:

- **Sejarah:** Pengambilan alkohol haram atau lain-lain yang tergolong dengan keracunan metanol yang disahkan atau disyaki (sakit teruk, kematian, buta, dsb.)
- **Simptom:** hiperventilasi (pernafasan (RF) >20-25/min)/dispnea, gangguan penglihatan (pelbagai), simptom GI, sakit dada, "sakit kepala dari kemabukan".

Rawatan:

- Berikan **antidot** (*etanol* secara oral atau intravena – dos: *Lihat halaman sebelah*) **tanpa berlengah**
- Berikan **bikarbonat (NaHCO₃)** secepat mungkin secara intravena.
 - o **500 mmol/L:** Berikan 250-500mL atau lebih dalam masa 1-2 jam sehingga hiperventilasi dirawat (RF <20 /min).
 - o **167 mmol/L:** Berikan 1000-1500mL atau lebih dalam masa 1-2 jam sehingga hiperventilasi dirawat (RF <20 /min).
- Jika hanya rawatan oral yang boleh didapati: Pil bikarbonat 500 mg (= 6 mmol), 6-10 pil setiap jam sehingga hiperventilasi dirawat (RF <20 /min).
- **Asid folinik** (atau asid folik) 50mg secara intravena atau oral (contohnya, 10 pil 5mg) setiap 6 jam untuk 24-48 jam.
- Jika **memerlukan pengintuban:** Pesakit mesti dihiperventilasi (RF >25/min) (sehingga asidosis metabolik dirawat). Pindah ke unit rawatan intensif (ICU) jika perlu/boleh.

Kriteria untuk rawatan apabila disyaki terdapat keracunan metanol (penemuan klinikal sahaja):

- Pesakit yang tidak menunjukkan sebarang simptom:** Perhatikan.
- Hiperventilasi, tiada gangguan penglihatan.** Tekanan darah/denyutan nadi mencukupi: Berikan etanol dan bikarbonat. Perhatikan sekurang-kurangnya 24 jam.
- Hiperventilasi, gangguan penglihatan, sedar:** Berikan etanol dan bikarbonat, pertimbangkan untuk pindahkan ke kemudahan dialisis, asid folinik
- Hiperventilasi, tidak sedar:** Berikan etanol dan bikarbonat, pindahkan ke kemudahan dialisis, asid folinik
- Normoventilasi/pernafasan rendah, tidak sedar:** Kemungkinan prognosis yang kurang baik jika terdapat keracunan metanol. Hati-hati dengan etanol kerana mungkin ini merupakan kemabukan etanol, kecuali yakin bahawa ini adalah keracunan metanol. Berikan etanol dan bikarbonat, dan pertimbangkan untuk pindahkan ke kemudahan dialisis, asid folinik jika boleh.

Lakukan pemindahan untuk rawatan lanjut seperti dialisis dan/atau sokongan alat pernafasan yang seringnya relevan.

Aspek prognostik

Koma ketika dimasukkan ke hospital dan kekurangan hiperventilasi menunjukkan prognosis yang kurang baik jika pesakit menderita keracunan metanol, tetapi sekiranya ia adalah kemabukan etanol atau gabungannya, ia mungkin menghasilkan diagnosis yang berbeza.

Bila anda harus meminta bantuan:

Jika terdapat pesakit yang sangat disyaki mengalami keracunan metanol, hubungi hospital rujukan tempatan untuk mendapatkan nasihat dan untuk membincangkan kemungkinan untuk campurtangan perubatan.

Salah satu sebab-sebab penting untuk ini adalah kemungkinan untuk mengenalpasti alkohol haram di persekitaran, mulakan rawatan awal **DAN** berusaha untuk memberitahu orang awam tentang bahaya yang berkemungkinan.

Apabila terdapat satu biasanya banyak yang ada

Peraturan dos yang dicadangkan untuk etanol (perhatikan perbezaan individu dan pemberian berkurangan dos secara kerap):

	5% etanol	10% etanol	20% etanol	40% etanol
Dos permulaan	15mL/kg	7.5mL/kg	4mL/kg	2mL/kg
Pengambilan dos/jam (bukan pengambil ubat secara tetap)	2mL/kg/jam	1mL/kg/jam	0.5mL/kg/jam	0.25mL/kg/jam
Pengambilan dos/jam (pengambil ubat tetap)	4mL/kg/jam	2mL/kg/jam	1mL/kg/jam	0.5mL/kg/jam

Peraturan asas: Bir mengandungi 5%, wain 12-14% dan spirit 40-45% ethanol.